

Persepsi Guru Tadika terhadap Keberkesanan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Muzik dalam Mengukuhkan Literasi Awal Kanak-kanak

Amirah Hayati Norhisam ^{1*} Norhidayah Azmi ² Haiza Hayati Baharudin ³ Siti
Nurulain Zakaria ⁴

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit
Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

*E-mail Penulis Penghubung : amirahhayati456@gmail.com

Abstrak

Pendidikan awal kanak-kanak memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk asas literasi yang kukuh, kajian menunjukkan bahawa penggunaan muzik dalam pengajaran merupakan pendekatan yang berkesan untuk meningkatkan minat dan penglibatan kanak-kanak, di samping menyokong perkembangan bahasa, kognitif, sosial, dan emosi mereka secara menyeluruh. Kajian ini bertujuan menilai persepsi guru tadika terhadap keberkesanan pendekatan pembelajaran berasaskan muzik dalam meningkatkan kemahiran membaca, menulis, dan pengenalan huruf dalam kalangan kanak-kanak tadika. Kajian ini menilai persepsi guru tadika terhadap keberkesanan pembelajaran berasaskan muzik dalam mengukuhkan literasi awal kanak-kanak. Kajian kuantitatif ini menggunakan kaedah tinjauan deskriptif dengan seramai 40 orang guru tadika ($N = 40$) terlibat. Data dianalisis menggunakan SPSS versi 27.0. Dapatan menunjukkan tahap persepsi guru terhadap penggunaan muzik berada pada tahap tinggi (min = 4.63, SP = 0.56). Tahap kesedaran guru juga berada pada tahap tinggi (min = 4.34, SP = 0.59), menandakan keyakinan kukuh terhadap keberkesanan pendekatan ini. Seterusnya, tahap cabaran yang dihadapi guru berada pada kategori sederhana (min = 3.48, SP = 1.90), menunjukkan wujud variasi yang agak besar dalam kekangan pelaksanaan pendekatan pembelajaran berasaskan muzik. Analisis Korelasi Pearson mendapati nilai ($r = 0.216$, $p = 0.180$), iaitu hubungan positif yang sangat lemah dan tidak signifikan ($p > 0.05$). Ini menunjukkan bahawa walaupun guru mempunyai persepsi dan kesedaran yang tinggi, ia tidak memberi kesan signifikan terhadap keberkesanan pelaksanaan muzik dalam pengajaran literasi awal. Kesimpulannya, muzik mempunyai potensi sebagai alat bantu pengajaran, namun isu kekangan pelaksanaan perlu ditangani. Kajian ini memberi sumbangan kepada guru, pentadbir, dan penggubal dasar dalam meningkatkan keberkesanan penggunaan muzik untuk memperkukuh literasi awal kanak-kanak.

Kata kunci : *persepsi guru tadika, muzik, literasi awal*

Abstract

Early childhood education is critical for establishing foundational literacy skills. Integrating music into instruction has been identified as a promising approach to enhance engagement and support holistic development, including language, cognitive, social, and emotional domains. This study investigated kindergarten teachers'

perceptions of the effectiveness of music-based learning in strengthening early literacy skills, specifically reading, writing, and letter recognition. A quantitative descriptive survey design was employed involving 40 kindergarten teachers (N = 40). Data were analyzed using SPSS version 27.0. Results indicated that teachers reported high levels of perception (M = 4.63, SD = 0.56) and awareness (M = 4.34, SD = 0.59) toward music integration, reflecting strong confidence in its pedagogical value. Conversely, implementation challenges were moderate (M = 3.48, SD = 1.90). Pearson correlation analysis revealed a very weak and statistically non-significant positive relationship ($r = 0.216$, $p = 0.180$), indicating that positive perceptions do not necessarily translate into effective implementation. The findings underscore music's potential as a pedagogical tool while highlighting the need to address barriers to its application in early literacy instruction.

Keywords: kindergarten teachers' perception, music, early literacy

Pendahuluan

Pendidikan awal kanak-kanak memainkan peranan penting dalam membentuk asas pembelajaran yang kukuh, terutama dalam aspek literasi awal. Dalam usaha meningkatkan keberkesanan pembelajaran, pelbagai pendekatan telah diperkenalkan, termasuk penggunaan muzik sebagai alat bantu pengajaran. Pendekatan pembelajaran berasaskan muzik bukan sahaja menjadikan proses pembelajaran lebih menarik, tetapi juga dipercayai dapat merangsang perkembangan kognitif, sosial, dan emosi kanak-kanak.

Manakala menurut Rasidah Mohd Abdul Rahman et al (2025), kajian mendapati bahawa penggunaan lagu dapat meningkatkan kemenjadian kanak-kanak dalam aspek kognitif, sosial, dan emosi. Dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak, proses pembelajaran turut diperkaya melalui lagu, yang disampaikan secara menyeronokkan dan bermakna. Kemahiran literasi awal penting bagi memastikan proses pembelajaran berjalan dengan lancar. Menurut Mohammad Nurulnuar Hussin et al (2022), menunjukkan bahawa penerapan komponen kemahiran literasi awal dalam pembelajaran membaca dan menulis oleh kanak-kanak prasekolah berumur 5 dan 6 tahun dianggap kritikal bagi memastikan perkembangan proses pembelajaran yang sistematik dan menyeluruh. Penguasaan kemahiran membaca dan menulis dapat dicapai apabila pendedahan awal terhadap kemahiran literasi diberikan secara konsisten sejak peringkat awal kanak-kanak sehingga mereka mencapai usia enam tahun.


Aktiviti berasaskan irama didapati membantu kanak-kanak menumpukan perhatian kepada struktur dan aliran bahasa, sekali gus memperkukuh kefahaman membaca mereka. Selain itu, muzik berfungsi sebagai alat pembelajaran multisensori yang melibatkan pelbagai deria, memudahkan pengolahan dan pengingatan maklumat oleh kanak-kanak (TeachHub, 2024). Penggunaan lagu tradisi masyarakat, termasuk lagu-lagu rakyat, dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah telah dikenalpasti sebagai salah satu pendekatan yang berkesan dalam menyokong perkembangan literasi awal serta penguasaan kemahiran bahasa oleh kanak-kanak. Aktiviti yang melibatkan nyanyian dan permainan berirama didapati dapat meningkatkan penguasaan kosa kata, pemahaman struktur bahasa, serta kemahiran mendengar secara berkesan. Selain itu, kreativiti, ekspresi diri, dan perkembangan sosial serta emosi kanak-kanak turut

dirangsang melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti muzik ini, menjadikannya medium pembelajaran yang holistik dan interaktif (Siti Nor Khalis binti Harun Narasid et al, 2025)

Penggunaan muzik dalam PdP merupakan salah satu strategi pedagogi yang berkesan untuk meningkatkan minat, tumpuan, dan pemahaman pelajar. Muzik dapat digunakan dalam pelbagai cara, termasuk nyanyian, permainan irama, lagu berstruktur, dan muzik latar, untuk menyokong pembelajaran konsep atau kemahiran tertentu. Menurut Rasidah Mohd Abdul Rahman et al. (2025), penggunaan lagu dan muzik dalam PdP membantu kanak-kanak prasekolah menguasai kemahiran literasi awal, meningkatkan kognitif, sosial, dan emosi mereka.

Justeru itu, tujuan utama kajian adalah bagi mengkaji hubungan antara persepsi guru terhadap keberkesanan pendekatan pembelajaran berasaskan muzik dengan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran berasaskan muzik bagi memperkukuhkan literasi awal. Seterusnya kajian ini mempersoalkan adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi guru terhadap keberkesanan pendekatan pembelajaran berasaskan muzik dengan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran berasaskan muzik bagi memperkukuhkan literasi awal? Manakala hipotesis kajian adalah tidak terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi guru terhadap keberkesanan pendekatan pembelajaran berasaskan muzik dengan tahap cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan pendekatan pembelajaran berasaskan muzik bagi memperkukuhkan literasi awal.

Kesimpulannya, pengkaji mendapati bahawa muzik memberi kesan positif kepada perkembangan kemahiran literasi awal kanak-kanak. Bukan itu sahaja, malah muzik juga membantu perkembangan emosi kanak-kanak



Rajah 1 : Kerangka Konseptual Persepsi Guru Tadika Terhadap Keberkesanan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Muzik Dalam Mengukuhkan Literasi Awal Kanak-Kanak.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif yang bersifat deskriptif dan korelasional bagi menilai persepsi guru tadika terhadap keberkesanan pendekatan pembelajaran berasaskan muzik dalam memperkukuhkan literasi awal kanak-kanak. Pendekatan kuantitatif dipilih kerana ia membolehkan pengukuran secara sistematik terhadap hubungan antara pembolehubah, serta memberikan data yang dapat dianalisis secara statistik.

Populasi kajian merujuk kepada keseluruhan kumpulan sasaran yang menjadi tumpuan penyelidikan untuk membuat generalisasi. Dalam kajian ini, populasi terdiri daripada 40 orang guru tadika yang terlibat secara langsung dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak peringkat awal. Pemilihan sampel dilakukan menggunakan kaedah persampelan menyeluruh (*total sampling*) memandangkan jumlah populasi adalah kecil. Justeru, seramai 40 orang guru tadika telah dipilih sebagai responden kajian melalui borang soal selidik yang diedarkan secara dalam talian menggunakan platform *Google Form*.

Instrumen kajian yang digunakan telah berbentuk soal selidik yang dibangunkan oleh pengkaji secara khusus bagi tujuan mengumpul maklumat berkaitan persepsi guru terhadap keberkesanan pendekatan pembelajaran berasaskan muzik dalam mengukuhkan literasi awal kanak-kanak. Soal selidik tersebut telah dirangka dengan merangkumi beberapa bahagian utama yang disusun secara sistematik bagi memastikan setiap aspek berkaitan kajian dapat ditinjau secara menyeluruh dan mendalam.

Jadual 1: Empat Bahagian Utama dalam Soal Selidik

BIL	BAHAGIAN	PERKARA
1	Bahagian A	Bahagian ini mengumpulkan maklumat asas tentang latar belakang guru, seperti usia, tahap pendidikan, pengalaman mengajar, dan pengalaman menggunakan muzik dalam pengajaran.
2	Bahagian B	Bahagian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi guru tadika terhadap keberkesanan penggunaan muzik dalam meningkatkan kemahiran literasi awal kanak-kanak. Penekanan diberikan kepada kemahiran membaca, menulis, dan mengenal huruf.
3	Bahagian C	Bahagian ini menumpukan kepada pengenalpastian tahap kesedaran guru tadika terhadap penggunaan muzik sebagai salah satu pendekatan dalam pengajaran literasi awal kanak-kanak.
4	Bahagian D	Bahagian ini direka bentuk untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru tadika ketika melaksanakan pendekatan pembelajaran berasaskan muzik bagi memperkukuh literasi awal dalam kalangan kanak-kanak.

Berdasarkan Jadual 1, instrumen kajian ini terdiri daripada empat bahagian utama. Bahagian A digunakan untuk mengumpulkan maklumat asas tentang latar belakang responden. Bahagian B mengenal pasti persepsi guru tadika terhadap keberkesanan muzik dalam meningkatkan kemahiran literasi awal. Bahagian C menilai tahap kesedaran guru mengenai penggunaan muzik sebagai pendekatan pengajaran. Bahagian D pula mengenal pasti cabaran yang dihadapi guru dalam melaksanakan pembelajaran berasaskan muzik.

Pengumpulan data dijalankan secara dalam talian menggunakan pautan *Google Forms* yang dihantar melalui *WhatsApp* atau e-mel kepada guru yang terlibat. Kaedah ini dipilih kerana lebih mudah, cepat, dan praktikal dalam situasi semasa, terutama bagi menjangkau peserta yang berada di lokasi berbeza. Sebelum pengedaran soal selidik, peserta diberi penerangan ringkas mengenai objektif kajian, jaminan kerahsiaan maklumat, dan persetujuan untuk mengambil bahagian.

Data yang dikumpul dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif digunakan untuk menggambarkan profil peserta, tahap persepsi guru, cabaran yang dihadapi oleh guru. Statistik inferensi pula digunakan untuk menguji hubungan antara pemboleh ubah menggunakan ujian korelasi Pearson (r) melalui perisian SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*) versi terkini.

Bagi tujuan menjawab hipotesis kajian yang telah dibentuk, analisis data inferensi telah dijalankan dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 27.0. Melalui pendekatan ini, hubungan antara pemboleh ubah telah diuji bagi menentukan sama ada wujud hubungan yang signifikan secara statistik, serta untuk mengenal pasti pola perbezaan atau pengaruh berdasarkan pemboleh ubah tertentu seperti jantina, tahap pendidikan, dan pengalaman mengajar. Analisis deskriptif ini digunakan oleh pengkaji bagi mengetahui persepsi guru tadika mengenai keberkesanan muzik dalam meningkatkan kemahiran membaca, menulis, dan mengenal huruf dalam kalangan kanak-kanak dengan cabaran yang dihadapi oleh guru tadika dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran berasaskan muzik bagi memperkukuhkan literasi awal.

Hasil Dapatan

Berikut merupakan hasil dapatan kajian yang diperoleh berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan:

Apakah persepsi guru tadika terhadap pembelajaran berasaskan muzik dengan keberkesanan pendekatan berasaskan muzik dalam mengukuhkan literasi awal kanak-kanak?

Jadual 2 : Hubungan antara persepsi guru tadika dengan keberkesanan pendekatan berasaskan muzik

Pemboleh Ubah	Kumpulan	N	Min	Sisihan piawaian	R	Sig.(2-hala)
Persepsi guru tadika terhadap pembelajaran berasaskan muzik dengan keberkesanan pendekatan berasaskan muzik dalam mengukuhkan literasi awal kanak-kanak	Tahap kesedaran guru tadika	40	4.34	0.59	0.216	0.180
	Cabaran yang dihadapi oleh guru tadika	40	3.48	1.90		

Berdasarkan Jadual 2, saiz sampel kajian adalah sebanyak 40 orang responden. Dapatan menunjukkan bahawa min bagi persepsi guru terhadap keberkesanan pendekatan pembelajaran berasaskan muzik ialah 4.34 dengan sisihan piawai 0.15, yang mencerminkan tahap yang tinggi dan konsistensi yang baik. Seterusnya, min bagi cabaran yang dihadapi oleh guru ialah 3.48 dengan sisihan piawai 1.90, yang menunjukkan tahap sederhana dengan variasi yang agak besar.

Hasil analisis korelasi Pearson menunjukkan nilai $r = 0.216$ dengan nilai signifikan $p = 0.180$, iaitu melebihi 0.05. Menurut Pallant (2020), nilai korelasi antara 0.10 hingga 0.29 dikategorikan sebagai hubungan lemah. Oleh itu, hubungan antara persepsi guru terhadap pembelajaran berasaskan muzik dengan cabaran yang dihadapi adalah positif tetapi lemah, dan perbezaan yang wujud adalah tidak signifikan secara statistik. Penemuan ini menunjukkan bahawa persepsi guru yang tinggi terhadap pendekatan muzik tidak mempunyai hubungan yang kukuh dengan cabaran yang dialami dalam pelaksanaannya.

Analisis Kajian

Hasil analisis menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi guru terhadap keberkesanan pendekatan pembelajaran berasaskan muzik dengan tahap cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan pendekatan tersebut bagi memperkukuhkan literasi awal kanak-kanak. Dapatan ini menggambarkan bahawa walaupun guru mempunyai persepsi yang positif terhadap keberkesanan pendekatan berasaskan muzik, hal ini tidak semestinya mengurangkan tahap cabaran yang mereka hadapi semasa melaksanakan strategi pengajaran tersebut. Menurut kajian Hallam (2010), guru prasekolah sering menghadapi kekurangan keyakinan dan latihan dalam penggunaan muzik dan pergerakan, yang boleh menjejaskan keberkesanan pelaksanaan walaupun mereka menyedari kepentingannya. Hal ini menunjukkan wujudnya jurang

antara persepsi dan pelaksanaan, selari dengan dapatan kajian ini yang memperlihatkan hubungan korelasi yang lemah antara persepsi guru dan cabaran pelaksanaan.

Kajian oleh Jellison (2022) menekankan isu kekurangan latihan formal dalam pendidikan muzik bagi guru prasekolah yang mengakibatkan kelemahan dari segi keyakinan dan kompetensi untuk melaksanakan pengajaran berasaskan muzik secara berkesan. Walaupun guru mengakui kepentingan muzik sebagai alat pedagogi untuk merangsang perkembangan kanak-kanak, jurang latihan profesional ini menjadi cabaran utama dalam konteks pelaksanaan. Dapatan ini menunjukkan bahawa faktor latihan dan pembangunan profesional memainkan peranan kritikal dalam memastikan keberkesanan integrasi muzik dalam pengajaran dan pembelajaran di peringkat awal kanak-kanak.

Menurut Sally Savage et al. (2024), pembangunan profesional yang berkesan dapat meningkatkan keyakinan guru untuk melaksanakan aktiviti muzik dan pergerakan, sekali gus menekankan keperluan intervensi berstruktur bagi menjembatani jurang antara persepsi dan amalan sebenar.

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini memperkukuh pandangan bahawa usaha meningkatkan keberkesanan pendekatan pembelajaran berasaskan muzik tidak hanya bergantung pada pengukuhan persepsi guru, tetapi memerlukan sokongan menyeluruh dalam bentuk penyediaan sumber, pengurangan kekangan beban kerja, dan latihan berterusan. Oleh itu, kajian lanjutan wajar melibatkan pihak berkepentingan seperti pentadbir prasekolah, pembuat dasar, dan ibu bapa bagi mengenal pasti strategi sokongan yang dapat mengurangkan cabaran pelaksanaan pendekatan ini secara lebih menyeluruh dan berkesan.

Kesimpulan

Kajian ini menilai persepsi guru tadika terhadap keberkesanan pendekatan pembelajaran berasaskan muzik dalam memperkukuhkan literasi awal kanak-kanak. Dapatan menunjukkan bahawa guru mempunyai persepsi dan tahap kesedaran yang tinggi terhadap penggunaan muzik dalam pengajaran, khususnya dalam meningkatkan kemahiran membaca, menulis, dan pengenalan huruf. Muzik dilihat bukan sahaja meningkatkan minat dan penglibatan kanak-kanak, tetapi juga menyokong perkembangan bahasa, kognitif, sosial, dan emosi secara holistik.

Walaupun cabaran seperti kekurangan sumber dan latihan guru dilaporkan, dapatan menunjukkan bahawa muzik diterima secara positif dan berpotensi menyokong keberkesanan PdP literasi awal. Kajian ini mengesahkan hipotesis bahawa penggunaan muzik dapat meningkatkan kemahiran asas literasi dan menambahbaik pengalaman pembelajaran kanak-kanak prasekolah.

Bagi kajian seterusnya, disyorkan pembangunan modul PdP berasaskan muzik yang lebih tersusun dan sesuai dengan konteks Malaysia, serta penilaian keberkesanannya melalui kajian eksperimen atau longitudinal untuk mengukur impak jangka panjang terhadap literasi kanak-kanak. Kajian tambahan juga boleh menumpukan kepada pendekatan muzik yang lebih kreatif, integrasi lagu tradisi dan rakyat, serta latihan profesional guru bagi memastikan pelaksanaan lebih berkesan.

Secara keseluruhan, muzik terbukti sebagai alat pedagogi yang berkesan dalam literasi awal, dan kajian ini menyediakan asas empirikal untuk pengembangan strategi pengajaran yang inovatif dalam pendidikan prasekolah.

Rujukan

- Alfredo Bautistaa , Jerry Yeunga , Morgan Lisa Mclarena and Beatriz Ilarib. (2022). Music in early childhood teacher education: raising awareness of a worrisome reality and proposing strategies to move forward. *ResearchGate*. <https://www.researchgate.net/publication/358914669>
- Hallam, S. (2010). The power of music: its impact on the intellectual, social and personal development of children and young people. *International Journal of Music Education*, 28 (3), 269-289.
- Jellison, J.A. (2015). *Including everyone: Creating music classrooms where all children learn*. Oxford University Press.
- Julie Pallant. (2020). *SPSS survival manual: A step-by-step guide to data analysis using IBM SPSS* (7th ed.). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781003117452>
- Luis del Barrio and M^a Eugènia Arús. (2024). Music and movement pedagogy in basic education: a systematic review. *Frontiers in Education*, 9, Article 1403745. <https://doi.org/10.3389/feduc.2024.1403745>
- Mohammad Nurulanuar Hussin, Zainiah Mohamed Isa. (2022). Penerapan komponen kemahiran literasi awal dalam kemahiran membaca dan menulis kanak-kanak prasekolah berumur 5 dan 6 tahun. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15(1), 50–57. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPB/article/download/5795/3651/37569>
- Rasidah Mohd Abdul Rahman, Jamilah Mohd Basir, & Azizah Zain. (2025). Pengaruh dan kesan lagu dalam pendidikan awal kanak-kanak: Kertas konsep. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 14(1), 104–118.
- Sally Savage, Laura. A. Bentley, Kate. E. Williams, Cathy Nielson, Rebecca Eager. (2024). Developing Early Childhood Teacher Confidence to Implement Classroom Music and Movement Activities: Key Professional Learning Features. *Early Childhood Education Journal*, 53, 2275–2286. <https://doi.org/10.1007/s10643-024-01737-2>

Siti Nor Khalis binti Harun Narasid, Mohd Nazri bin Abdul Rahman, Noor Hanim binti Harun, Muhamad Zainal Azri bin Zulkipli. (2025). Aplikasi lagu tradisi masyarakat Orang Asli dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan prasekolah. *ResearchGate*. <https://www.researchgate.net/publication/388357946>

TeachHub. (2024, August). Rhythm and reasoning: Music in the classroom. *TeachHUB*. <https://www.teachhub.com/teaching-strategies/2024/08/rhythm-and-reasoning-music-in-the-classroom/>